

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN

(SOALAN NO. 7 HINGGA NO.57)

17 OCT 2016

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**NURELFIRA BINTI MOHD DAUD
CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA**

SOALAN (7)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 17 OKTOBER 2016
[ISNIN]**

**DARIPADA : Y.B. DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD
[LANGKAWI]**

SOALAN :-

Y.B. DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD [LANGKAWI] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapa banyakkah projek perumahan mampu milik yang telah siap dibina dan siap diduduki dan adakah pihak Kementerian bercadang untuk menjalankan perbincangan dengan pemilik tanah dan Kerajaan negeri agar dapat mengurangkan kos pematuhan bagi membolehkan pemaju menyediakan rumah pada harga berpatutan.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah menetapkan bahawa rumah mampu milik (RMM) adalah rumah-rumah yang dijual pada paras harga RM300,000 dan ke bawah. Dibawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), terdapat Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang merupakan RMM

bertujuan untuk penempatan semula setinggan dan memenuhi keperluan tempat kediaman bagi golongan yang berpendapatan rendah.

Bagi pelaksanaan PPR, KPKT telah menyiapkan sejumlah 113 PPR yang merangkumi 80,252 unit rumah di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, unit rumah yang telah diduduki sehingga 30 September 2016 adalah sebanyak 69,155 unit.

Kerajaan sentiasa memastikan semua peraturan dan keperluan dipatuhi dalam pelaksanaan projek pembangunan PPR. Bagi memastikan kos pembangunan dapat dikurangkan, Kementerian sentiasa berbincang bersama pihak Kerajaan Negeri dan agensi-agensi yang terlibat bagi membolehkan kos-kos pematuhan yang dikenakan dalam sebarang pemajuan projek PPR seperti caj pemajuan dapat dikurangkan atau dikecualikan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI
TARIKH : 17.10.2016
SOALAN : NO. 8

Tuan Mohd Rafizi bin Ramli [Pandan] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah permohonan pinjaman PTPTN yang diluluskan mengikut peringkat pembiayaan (maksimum, 75%, 50% sejak 2015 atau penuh, sebahagian, yuran sebelum itu) setiap tahun dari 2010 hingga 2016; diasingkan mengikut IPTA atau IPTS.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penubuhan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) merupakan salah satu usaha Kerajaan dalam memastikan tidak ada pelajar yang tercicir dalam meneruskan pendidikan mereka di Institusi-institusi Pendidikan Tinggi (IPT) atas alasan kekangan kewangan dan latar belakang keluarga yang berpendapatan rendah. Pada setiap tahun, kira-kira 200,000 pelajar berpeluang melanjutkan pendidikan ke IPT dengan kemudahan yang disediakan oleh PTPTN.

Sebelum 1 November 2014, terdapat tiga (3) kategori jumlah pinjaman iaitu pinjaman penuh, pinjaman sebahagian dan pinjaman untuk yuran sahaja. Pinjaman penuh diberi berdasarkan kepada pendapatan bulanan keluarga pelajar yang tidak melebihi RM4,000 sebulan, manakala pinjaman sebahagian diberi berdasarkan pendapatan bulanan keluarga di antara RM4,000 hingga RM5,000, dan bagi keluarga yang pendapatan bulanan mereka melebihi RM5,000 sebulan, pelajar ini hanya diberi pinjaman yuran.

Mulai 1 November 2014, penentuan jumlah pinjaman pelajar adalah berdasarkan kepada kategori pinjaman baharu iaitu pinjaman maksimum hanya ditawarkan kepada pelajar atau ibu bapa yang disenarai sebagai penerima BR1M, manakala pinjaman sebanyak 75 peratus (daripada pinjaman maksimum) ditawarkan kepada pelajar dari keluarga berpendapatan bulanan isirumah tidak melebihi RM8,000 sebulan dan pinjaman 50 peratus (daripada pinjaman maksimum) adalah untuk golongan yang berpendapatan bulanan isirumah melebihi RM8,000 sebulan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tempoh 2015 hingga 2016 sebanyak 288,233 bilangan permohonan pinjaman telah diluluskan dengan peruntukan sebanyak RM6.4 bilion. Daripada jumlah kelulusan tersebut, sebanyak 138,762 pinjaman telah diluluskan kepada pelajar Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) seperti Universiti Awam (UA), Politeknik dan Kolej Komuniti dengan peruntukan berjumlah RM2.3 bilion manakala sebanyak 149,471 pinjaman yang diluluskan adalah kepada pelajar-pelajar Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) dengan jumlah peruntukan RM4.1 bilion.

Kelulusan pinjaman kepada pelajar IPTA mengikut pecahan pinjaman menunjukkan sejumlah RM1.6 billion telah diperuntukan kepada 90,401 orang dibawah pinjaman maksimum, sebanyak 41,792 orang mendapat pinjaman 75 peratus dengan jumlah peruntukan RM575.8 juta, manakala sebanyak 6,569 pelajar dengan peruntukan RM64.3 juta lagi mendapat pinjaman 50 peratus daripada jumlah maksimum.

Bagi pelajar IPTS pula, pinjaman maksimum diberikan kepada 73,351 orang dengan peruntukan sebanyak RM2.2 bilion, manakala peruntukan RM 1.7 bilion pula untuk pinjaman 75 peratus yang diberikan kepada 66,541 orang dan sebanyak 9,579 pelajar lagi mendapat pinjaman 50 peratus sahaja dengan jumlah peruntukan RM216.8 juta.

**SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK LIANG TECK MENG
[SIMPANG RENGAM]
TARIKH : 17 OKTOBER 2016 [ISNIN]
SOALAN : 9

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan jenis-jenis geran dan peruntukan yang disediakan bagi pembangunan sektor teknologi inovasi dan berapakah jumlah geran yang dikeluarkan bagi tujuan tersebut bagi tahun 2013 sehingga kini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi menawarkan tiga kategori dana iaitu Dana Sains, Dana Pra-pengkomersialan dan Dana Pengkomersialan.

Pertama: **Dana Sains** iaitu geran penyelidikan bagi tujuan penerokaan idea baru dan kemajuan ilmu dalam sains gunaan. Ianya diberikan oleh Kerajaan kepada penyelidik daripada universiti dan institut penyelidikan.

Kedua: **Dana Pra-pengkomersialan** iaitu dana yang disediakan bagi tujuan membiayai pembangunan teknologi yang berpotensi untuk dikomersialkan termasuk untuk menambahbaik (*innovate*) produk,

proses atau perkhidmatan sedia ada. Dana ini dibuka kepada penyelidik daripada universiti, institut penyelidikan, syarikat, individu serta kumpulan komuniti.

Ketiga: **Dana Pengkomersialan** iaitu dana yang disediakan kepada syarikat bagi tujuan membantu syarikat tersebut mengkomersialkan produk hasil R&D mereka. Ia termasuk pembiayaan bagi syarikat memperolehi teknologi daripada luar negara.

Jenis-jenis dana yang ditawarkan di bawah kategori ini adalah *Commercialisation of R&D Fund (CRDF)* dan *Technology Acquisition Fund (TAF)* yang diuruskan oleh *Malaysian Technology Development Corporation (MTDC)*; dan *Biotechnology Commercialisation Fund (BCF)* yang disediakan di bawah *Bioeconomy Corporation*.

CRDF bertujuan membiayai aktiviti pengkomersialan teknologi yang dibangunkan oleh syarikat tempatan. TAF pula menyediakan pembiayaan kepada syarikat tempatan untuk membeli teknologi luar negara. Manakala BCF pula membiayai aktiviti pengkomersialan dalam bidang bioteknologi yang dibangunkan oleh syarikat tempatan berstatus BioNexus.

Dari segi perbelanjaan keseluruhan dari tahun 2013 hingga Ogos 2016, sejumlah RM154.6 juta telah diperuntukkan untuk membiayai 724 projek bagi Dana Sains. Bagi Dana Pra-Pengkomersialan pula, sejumlah RM322.0 juta telah diperuntukkan untuk membiayai 418 projek. Manakala sejumlah RM317.3 juta telah diperuntukkan untuk membiayai 154 projek di bawah Dana Pengkomersialan.

Sekian, terima kasih.